

Petua Memilih Durian

Zara dan keluarganya ke pasar tani.

Zara dan keluarganya ingin membeli durian. Mereka teringin makan durian. Zara berjalan laju menuju ke gerai jualan durian. Dia amat mahir akan selok-belok tempat itu kerana selalu datang ke situ.

Puan Zurah tersenyum melihat gelagat anaknya itu. Mereka sangat seronok apabila membeli durian.

“Zara, cuba goncangkan durian itu, Jika ada gelaran, maknanya isinya telah masak,” jelas Encik Hasif

Zara mencium - cium pangkal tangkai durian. Dia berasa ragu. Kemudian, dia memberikan buah kepada Encik Hasif.”

Buah ini harum baunya, Zara. Isinya pasti telah masak, “kata Encik Hasif dengan yakinnya .

“Abang, lima pangsa buah ini sangat jelas kelihatan. Saya ambil ya,” ujar Puan Zurah.

Encik Hasif mengangguk tanda setuju dengan isterinya. Beliau memberikan semua durian yang telah dipilih kepada peniaga tersebut. Peniaga itu mengopek kulit durian dengan cermat menggunakan parang. Zara puas hati melihat isi durian itu. Mereka sekeluarga amat gembira kerana dapat menikmati raja buah itu.

Sila jawab soalan kefahaman berdasarkan Petikan Petua Memilih Durian

1. Bagaimanakah Zara dan keluarga menuju ke gerai jualan durian di pasar tani?
2. Apakah perasaan anak-anak Puan Zurah apabila membeli durian ?
3. Mengapakah Zara memberikan buah kepada Encik Hasif setelah mencium-cium pangkal tangkai durian ?
4. Bagaimanakah cara peniaga mengopek kulit durian menggunakan parang ?
5. Apakah perasaan Zara dan keluarga setelah dapat menikmati raja buah itu ?

